



## UMP terima sijil ISO/IEC 27001 perkuat keselamatan ICT

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima pensijilan ISO/IEC 27001 bagi Sistem Pengurusan Keselamatan (Information Security Management System (ISMS) untuk skop operasi dan penyelenggaraan Pusat Data UMP di Gambang.

Pengiktirafan ini merupakan inisiatif UMP menerusi Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (PTMK) dalam memperkemas dan menguatkan benteng pertahanan keselamatan ICT terutamanya melibatkan keselamatan penggunaan internet serta berdepan dengan ancaman siber.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, keupayaan untuk mewujudkan sistem pengurusan maklumat yang berintegriti dan berteknologi tinggi merupakan antara kriteria signifikan dalam menentukan aras kepercayaan pelanggan dan pemegang taruh terhadap universiti ini.

"Pensijilan ini merupakan sebahagian daripada tuntutan transformasi perkhidmatan yang dihasratkan kerajaan untuk mewujudkan sistem penyampaian cemerlang, cekap dan berkesan serta turut menyumbang agenda transformasi Kerajaan," katanya semasa

menyampaikan ucapan sempena Majlis Apresiasi dan Penyampaian Sijil MS ISO/IEC 27001:2007 di Dewan Bankuet, Canseleri UMP Kampus Gambang pada 22 April 2013 yang lalu.

Beliau berbangga dengan pengiktirafan ini dan mengharapkan kegigihan yang ditunjukkan oleh pasukan ISMS PTMK ini perlu diteladani dan menjadi inspirasi kepada warga UMP yang lain.

Sementara itu, Ketua Perunding Teknikal ICT, Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan (MAMPU) Jabatan Perdana Menteri, Wan Rosdi Wan Dollah berkata, pihaknya telah memperkenalkan beberapa inisiatif dalam mempertingkatkan tahap keselamatan ICT.

Antaranya adalah penggubalan Dasar Keselamatan ICT, penubuhan Pasukan Respon Kecemasan Komputer Kerajaan (GCERT) dan pelaksanaan pensijilan standard MS ISO 27001 ISMS ini dengan sasaran 62 agensi sektor kerajaan mendapat pensijilan dalam tempoh tiga tahun sejak diperkenalkan pada tahun 2010.

Walau bagaimanapun, sehingga kini

hanya 34 agensi sahaja di kalangan sektor awam telah melaksanakan audit persijilan ISMS dan 16 daripadanya telah berjaya dipersijilkan.

Menurut Wan Rosdi, pihaknya berbangga dengan kesungguhan UMP mendapat pengiktirafan dalam masa yang singkat iaitu empat bulan sahaja. Selain itu, UMP merupakan IPTA ketiga yang mendapat pengiktirafan sijil ini selepas Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Dalam majlis ini, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir menerima sijil pengiktirafan daripada Ketua Seksyen Perkhidmatan, Jabatan Pensijilan Sistem Pengurusan, SIRIM QAS International Sdn. Bhd., Lee Lay Kuan.

Hadir sama dalam majlis, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Ir. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin dan Pengarah PTMK, Profesor Madya Dr. Wan Maseri Wan Mohd.